

Khairy kesal Dr. Mahathir dikritik selepas bersara

UMNO 2 JUN 2005

KUALA LUMPUR 1 Jun — Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin kesal dengan tindakan pihak tertentu yang mengkritik Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas bersara daripada jawatan Perdana Menteri.

Beliau berkata, semasa Dr. Mahathir masih memegang jawatan, pihak yang mengkritiknya ketika ini, hanya membisu dan tidak mahu membuat sebarang kenyataan.

“Apabila pemimpin sudah tidak ada, ia seolah-olah menjadi satu peluang kepada pihak yang berkenaan membuat kritikan kepada bekas pemimpin itu,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pelancaran Putera UMNO di sini hari ini.

Khairy diminta mengulas kritikan yang dilemparkan kepada Dr. Mahathir bahawa beliau kononnya tidak berbuat apa-apa untuk memerangi rasuah ketika menjadi Perdana Menteri.

Kelmarin Dr. Mahathir menyatakan rasa kesalnya dengan tulisan editor kanan akhbar *The Star*, Datuk Wong Chun Wai yang menyebut bekas Perdana Menteri yang memimpin Malaysia selama 22 tahun itu sepatutnya melakukan lebih banyak perkara untuk memerangi rasuah.

Khairy berkata, semasa Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, semua orang menyokong kepimpinan beliau termasuk berhubung usaha memerangi rasuah.

“Saya rasa tidak timbul satu pertikaian tentang rekod beliau dalam me-

merangi rasuah yang mana tindakan-tindakan telah diambil termasuk kepada mereka yang memegang jawatan dalam kerajaan.

“Saya terkilan kerana apabila beliau bersara, ada suara-suara yang mempertikaikan kepimpinan Tun Dr. Mahathir.

“Kalau ada yang tidak betul, ia sepatutnya diberitahu lebih awal dan bukannya menunggu sehingga beliau tidak lagi memegang jawatan,” ujarnya.

Dalam hal itu, katanya, beliau bersama anggota Pemuda UMNO lain menyokong penuh kenyataan Ketua pergerakan itu, Datuk Seri Hishammuddin Hussein supaya budaya mengkritik pemimpin terdahulu, ditolak oleh rakyat Malaysia.